

Status OKU tak halang guru agama raih sarjana

Azri hadapi masalah kaki tidak stabil sering jatuh ketika turun naik tangga

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sintok: Seorang guru tidak menjadikan status orang kurang upaya (OKU) sebagai penghalang dirinya untuk mengenggam ijazah sarjana pada Majlis Konvokesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) Ke-32 di sini, semalam.

Guru Pendidikan Islam, Azri Muhammad, 31, berkata kejayaan yang diperolehnya tidak datang bergolek kerana beliau terpaksa berusaha keras melebihi insan normal yang lain.

Beliau yang menerima Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Pendidikan berkata, kedua-dua kakinya tidak lagi stabil untuk berdiri

Isteri dan ahli keluarga lain banyak memberi semangat, dalam masa sama, pembahagian masa juga penting supaya tugas hakiki saya tidak terganggu.

Azri Muhammad,
Guru



Azri bersama Ijazah Sarjana yang diterima pada Majlis Konvokesyen Universiti Utara Malaysia Ke-32 di Dewan Mu'adzam Shah UUM Sintok.
(Foto Amran Hamid/BH)

lama selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya pada 2005 ketika beliau berusia 16 tahun.

"Kedua-dua kaki saya patah akibat dirempuh kereta sehingga doktor terpaksa melakukan pembedahan memasukkan besi pada kedua-dua belah kaki. Tetapi akibat pertumbuhan tulang yang tidak seimbang, saya masih lagi berasa sakit.

"Sepanjang menyambung pengajian di UUM, saya kurang berehat kerana terpaksa berjaga malam bagi menyiapkan tugas menyebabkan saya sering mahu terjatuh ke-

tika memanjat atau menuruni tangga sekolah," katanya yang bertugas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Mah Hua, Tasik Gelugor, Pulau Pinang.

Beliau akan terus menyambung pengajian sehingga peringkat tertinggi bagi mengikut nasihat bapanya serta arwah ibunya yang juga pesara guru.

Katanya, keluarga adalah pendorong utama untuknya berjaya dan tidak kenal erti mengalah, walaupun sentiasa berada dalam kesakitan.

"Isteri dan ahli keluarga lain

banyak memberi semangat, dalam masa sama, pembahagian masa juga penting supaya tugas hakiki saya tidak terganggu.

"Saya harap apa yang saya capai hari ini dapat memberi contoh kepada mereka di luar sana untuk terus positif mengejar impian," katanya yang berjaya menamatkan pengajian dengan mendapat Purata Mata Kumulatif (PMK) 3.83.

Azri adalah antara 514 graduan yang menerima ijazah masing-masing pada sesi ketiga majlis konvokesyen di Dewan Mu'adzam Shah UUM.